

11 FEB 1998

Jepun-Ekonomi (Analisis Berita)

ADAKAH JEPUN AKAN MENGGUNAKAN KEKAYAAN EKONOMINYA?

Oleh: Azman Ujang

KUALA LUMPUR, 11 Feb (Bernama) -- Negara-negara Asean kerap kali kecewa apabila Jepun tidak memainkan peranan di persada ekonomi antarabangsa sesuai dengan kedudukannya sebagai kuasa ekonomi kedua terbesar di dunia.

Apabila negara seperti Thailand, Indonesia dan Malaysia terjebak ke dalam krisis ekonomi paling teruk berikutan kemerosotan nilai mata wang, Tokyo jarang sekali menggunakan kedudukan ekonominya untuk membantu membina keyakinan di rantau itu yang pelaburan asing secara langsung dari Jepun cukup besar.

Jepun boleh mempraktikkan secara klasik apa yang disebutkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai dasar "memakmurkan jiran." Pelaburan yang terdapat di mana-mana ceruk di rantau itu telah membawa kemakmuran kepada negara-negara Asia Tenggara.

Rantau berkenaan menjadi pasaran yang luas bagi produk Jepun dan Tokyo juga memperolehi kemenangan moral apabila Malaysia memperkenalkan dasar "Pandang Ke Timur" satu dekad lalu.

Walaupun Jepun membayangkan kesediaan untuk memberi bantuan kewangan kepada rakan-rakan di Asia Tenggara melalui pelbagai pakej, Tokyo kurang memainkan peranan secara cergas untuk membantani ekonomi rantau itu yang berada dalam keadaan tenat akibat dilanda krisis kewangan Julai lepas.

Senario inilah yang menggerakkan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berlepas ke Tokyo hujung minggu lalu yang menurut para penganalisis bertujuan supaya Tokyo bangun menggerakkan kekayaan ekonominya.

Pada persidangan media di Tokyo semalam, Anwar melahirkan rasa hampa bahawa kelibat Jepun langsung tidak nampak di rantau itu jika dibandingkan dengan Amerika Syarikat yang menghantar delegasi peringkat tinggi ke Malaysia, Indonesia dan Thailand dalam misi membina keyakinan.

Tetapi selepas mengadakan rundingan dengan para pegawai Jepun termasuk Menteri Kewangan Hikaru Matsunaga semasa lawatan empat hari itu, Anwar dilaporkan berpuas hati bahawa Jepun menyahut seruan Malaysia bagi memainkan peranan aktif di rantau itu, bukan sahaja melalui reformasi tetapi juga menjadikan kehadirannya lebih dirasai.

Beliau juga gembira apabila mendapat tahu bahawa Parti Liberal Demokratik akan menghantar delegasi ke Indonesia sementara Kementerian Kewangan Jepun pula akan menghantar dua misi ke rantau berkenaan tidak lama lagi.

Menurut Anwar, Jepun menunjukkan kesungguhan untuk menangani isu-isu utama di rantau itu, mengambil langkah-langkah tambahan di Indonesia --negara Asean paling teruk dilanda krisis ekonomi -- dan langkah lain untuk meningkatkan keyakinan di pasaran mata wang dan saham rantau itu.

Anwar juga yakin bahawa Tokyo mempunyai kepimpinan politik untuk melaksanakan reformasi yang sepatutnya telah lama dibuat bagi merangsangkan apa yang disifatkannya sebagai ekonomi "yang kurang bertenaga" dan memperluaskan pasarnya, dan dengan itu membolehkannya memainkan peranan cergas di rantau itu.

Melalui pengalaman kebanyakan pegawai dari rantau ini dan tempat lain yang berkesempatan berunding dengan ahli politik dan kakitangan awam dari negara Matahari Terbit itu, tugas tersebut bukannya mudah.

Ini kadang-kala disebabkan oleh budaya Jepun yang cenderung tidak menyatakan sesuatu secara terus terang, mungkin kerana tidak mahu menyinggung perasaan atau mengaibkan tetamu.

Contoh terbaik berhubung dengan perkara itu ialah sambutan Jepun terhadap cadangan Malaysia bagi penubuhan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC), forum perundingan yang menghubungkan Asean dengan kuasa ekonomi Asia Timurlaut (Jepun, China dan Korea Selatan).

EAEC belum menjadi kenyataan hingga sekarang kerana Jepun tidak menyokong cadangan itu kerana tunduk kepada bantahan Amerika Syarikat yang menyifatkannya sebagai blok perdagangan.

Tetapi kali ini, Anwar dapat memenuhi objektif lawatan kerjanya ke Jepun iaitu meminta Tokyo memainkan peranan lebih aktif untuk membantu ekonomi rantau berkenaan yang berada dalam keadaan tenat.

Kejayaan paling signifikan yang menurut Anwar dicapai ialah persetujuan Jepun supaya perdagagannya dengan Malaysia dan Singapura dijalankan menggunakan Yen dan tidak lagi dolar Amerika.

Ini merupakan kejayaan bagi inisiatif Asean yang digerakkan oleh Malaysia, bagi menggalakkan penggunaan mata wang serantau dalam perdagangan antara Asean. Usaha ini telahpun mendapat sokongan Filipin dan Thailand.

Kejayaan itu memberi semangat baru dalam usaha menangani kegawatan ekonomi di rantau itu memandangkan pelaburan secara langsung dari Jepun dilihat sebagai petanda baik bagi melaksanakan cadangan berkenaan.

Komitmen Jepun untuk memainkan peranan aktif lagi positif untuk membantu rantau berkenaan dilihat sebagai secocok dengan hasrat Amerika Syarikat yang mahu melihat Tokyo bersama-sama membantu mengatasi krisis ekonomi di rantau itu.

Duta Amerika Syarikat ke Malaysia John Malott memberitahu Bernama bahawa usaha meningkatkan keyakinan di rantau itu bukan dan tidak harus digerakkan oleh Washington sahaja.

" Bukan kami sahaja menjadi kuasa ekononmi di dunia. Secara kolektif, Eropah merupakan ekonomi yang lebih besar dan Jepun pula ialah yang kuasa ekonomi yang kedua terbesar.

" Jepun mempunyai tanggungjawabnya dab begitu juga dengan Eropah," kata Malott ketika ditanya mengenai lawatan para pegawai kanan Amerika ke Malaysia dan negara lain di rantau itu baru-baru ini berikutan krisis ekonomi.

Hasil daripada lawatan Anwar ke Jepun mungkin boleh meniupkan keyakinan baru di Asia Tenggara bahawa Jepun akhirnya tidak lagi akan dibayangi oleh Amerika dalam tindak-tanduknya. -- BERNAMA

AU FAZ